

**LARIS... Misni
(tengah),
melayan
pelanggan
yang
mengunjungi
warungnya
walaupun
digenangi air.**



Berendam kaki minum kopi

KUALA LANGAT: Bagi se-setengah penduduk, banjir yang melanda kawasan ini sejak lebih seminggu lalu menjejaskan aktiviti harian mereka, namun kepada pengusaha warung dan kedai runcit keadaan itu tidak menghalang mereka daripada terus membuka perniagaan masing-masing.

Tinjauan Harian Metro di Kampung Labohan Dagang di sini, semalam, mendapati beberapa kedai dibuka seperti biasa walaupun terpaksa berdepan dengan keadaan tidak selesa kerana digenangi air pada paras betis.

Peniaga kedai runcit, Mus-

lim Dalhari, 70, berkata dia tetap membuka kedai dan meneruskan perniagaan walaupun sedar dengan keadaan banjir dan cuaca tidak menentu menyebabkan pelanggan berkurangan berbanding sebelum ini.

"Jika sebelum ini purata jualan boleh mencecah RM1,000 sehari, tetapi disebabkan banjir jualan barangan runcit semakin merosot. Malah, nak dapat RM200 sehari pun susah.

"Buat masa ini, saya menghentikan pembelian stok barangan runcit kerana bimbang keadaan air yang memasuki kedai ini," katanya;

Pengusaha warung di kampung itu, Misni Jemari, 46, berkata, pelanggan tetap datang ke premisnya untuk memesan makanan dan meluangkan waktu bersembang bersama rakan sekampung.

"Mereka sanggup datang dan duduk makan di kerusi dan meja disediakan, walaupun masing-masing terpaksa berendam kaki di dalam air. Mereka tidak kisah sangat dengan keadaan kurang selesa ini," katanya.

Katanya, kampung itu sering dinaiki air ketika musim hujan, tetapi tidak seteruk kali ini yang turut membabitkan warungnya.